

KEMPEN BELANJA & JIMAT DENGAN HLB CONNECT

Last Updated on 9 March 2022

TEMPOH KEMPEN

“**Kempen Belanja & Jimat Dengan HLB Connect**” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 9 Mei 2022 dan berakhir pada 08 Ogos 2022, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“**T&S**”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka untuk para pelanggan Bank (“**Pelanggan**”) yang:
 - (i) merupakan pemegang Kad Debit/Kad Debit-i Bank (“**Kad Debit**”) yang baharu atau yang sedia ada; atau
 - (ii) merupakan pemegang Kad Kredit HLB yang sedia ada; dan
 - (iii) merupakan pemegang Kad Kredit HLB yang baharu dan telah memohon sekurang-kurangnya satu (1) Kad Kredit melalui laman web HLB (<https://www.hlb.com.my>) atau melalui Perbankan Dalam Talian HLB Connect semasa Tempoh Kempen.
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan:
 - (i) yang telah melakukan, atau kini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - (ii) yang menghadapi prosiding mufliis atau telah diisytiharkan mufliis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan/atau
 - (iii) yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang mentadbir Kad Debit dan Kad Kredit yang berkaitan dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen.

(selepas ini dirujuk sebagai “**Pemegang Kad yang Layak**”)

TATACARA KEMPEN

3. Pemegang Kad yang Layak akan layak menikmati tawaran berikut:
 - A. Diskaun sehingga 30% untuk jubin-jubin Guocera yang terpilih dengan menggunakan Kad Debit Bank dan/atau Kad Kredit HLB (“**POTONGAN 30%**”)
 - Pemegang Kad yang Layak yang melakukan perbelanjaan minimum Satu Ribu Empat Ratus Lapan Puluh Lapan Ringgit Malaysia (RM 1,488) melalui Kad Debit dan/atau Kad Kredit HLB Bank yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah akan layak menikmati diskaun 25% untuk pembelian jubin-jubin Guocera terpilih di outlet Guocera Sdn Bhd (197801000415 (37438-T)) (“**Guocera**”) yang menyertai yang tersenarai dalam <https://www.hlb.com.my/quocera> (“**Laman web Kempen**”) semasa Tempoh Kempen.
 - Pemegang Kad yang Layak yang melakukan perbelanjaan Tiga Ribu Empat Ratus Lapan Puluh Lapan Ringgit Malaysia (RM 3,488) melalui Kad Debit dan/atau Kad Kredit HLB Bank yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah akan layak menikmati diskaun 30% untuk pembelian jubin-jubin Guocera terpilih di outlet Guocera yang menyertai yang tersenarai dalam Laman web Kempen semasa Tempoh Kempen.

Jadual 1

Tahap Diskaun	Syarat Perbelanjaan Minimum
POTONGAN 25%	Minimum Satu Ribu Empat Ratus Lapan Puluh Lapan Ringgit Malaysia (RM1,488) dalam satu resit
POTONGAN 30%	Minimum Tiga Ribu Empat Ratus Lapan Puluh Lapan Ringgit Malaysia (RM1,488) dalam satu resit

- Jubin-jubin Guocera yang terpilih yang ditawarkan adalah berdasarkan bahan kelas pertama dan tertakluk pada ketersediaan dan berdasarkan siapa cepat dia dapat. Tahap Diskaun tidak boleh digunakan bersama dengan sebarang diskaun, keistimewaan atau promosi lain.
- B. Tambahan 7% bagi Pulangan Tunai untuk pembelian yang dibuat melalui Kad Kredit HLB ("**Pulangan Tunai**")
- Pemegang Kad Kredit HLB yang baharu dan yang sedia ada yang berjaya melakukan pembayaran minimum sebanyak Satu Ribu Satu Ratus Enam Belas Ringgit Malaysia (RM1,116) melalui Kad Kredit HLB di mana-mana kedai jualan Guocera yang menyertai sepanjang Tempoh Kempen akan layak menerima Pulangan Tunai tambahan minimum sebanyak Tujuh Puluh Lapan Ringgit Malaysia (RM78) dan tertakluk pada maksimum sebanyak Satu Ribu Ringgit Malaysia (RM1,000) setiap Pemegang Kad yang Layak untuk Kempen ini.
 - Jumlah peruntukan Pulangan Tunai dihadkan pada Seratus Sebelas Ribu Ringgit Malaysia (RM111,000) berdasarkan siapa cepat dia dapat sepanjang Tempoh Kempen.
 - Sekiranya Pemegang Kad yang Layak telah memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Klausa 3B di atas ("**Pemenang Pulangan Tunai**"), Pulangan Tunai akan dikreditkan ke Akaun Semasa dan Simpanan atau Akaun Semasa dan Simpanan-i ("**CASA/CASA-i**") Pemenang Pulangan Tunai dengan Bank menurut kaedah pengisian Pulangan Tunai yang dinyatakan di bawah.

PENGISIAN PULANGAN TUNAI

4. Para Pemenang Pulangan Tunai akan diberitahu melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**") dan/atau e-mel (berdasarkan nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel dalam rekod Bank) jika mereka telah dipilih sebagai Pemenang Pulangan Tunai. Senarai Pemenang Pulangan Tunai akan diterbitkan pada Laman Web Kempen pada 30 September 2022.
5. Semua Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai dengan Bank pada 31 Oktober 2022.
6. Oleh yang demikian, Pemenang Pulangan Tunai perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif sehingga 31 Oktober 2022. Sekiranya mereka gagal, Pulangan Tunai akan dibatalkan.
7. Pemenang Pulangan Tunai perlu membuka CASA/CASA-i dengan Bank pada masa kami memaklumkan kepada mereka bahawa mereka merupakan salah seorang Pemenang Pulangan Tunai pada 15 Oktober 2022 bagi membolehkan Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i mereka dengan Bank.

8. Bank tidak mempunyai kewajiban untuk memaklumkan Pemegang Kad yang Layak sekiranya Pulangan Tunai telah mencapai peruntukan maksimum sebanyak Seratus Sebelas Ribu Ringgit Malaysia (RM111,000) sepanjang Tempoh Kempen semasa atau sebelum Tempoh Kempen tamat.
9. Menjadi kewajiban Pemenang Pulangan Tunai untuk menghubungi Bank sebelum 15 November 2022 jika Pulangan Tunai tidak diterima. Selepas tarikh ini, Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan pembayaran balik tidak akan diproses.

AM

10. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju:
 - (i) bahawa mereka telah membaca, memahami dan menerima T&S dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang terkandung;
 - (ii) bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima Notis Privasi Bank dan bersetuju untuk terikat dengan notis ini. Kedua-dua notis ini disediakan di laman web Bank (www.hlb.com.my / www.hlisb.com.my);
 - (iii) bahawa semua rekod tentang pengisian syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen dan pemilihan Pemenang Pulangan Tunai adalah muktamad.
 - (iv) bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pemegang Kad yang Layak;
 - (v) dan memberi kebenaran kepada Bank untuk menyiarkan data peribadi mereka (iaitu nama, nombor ID atau akaun yang disembunyikan) untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;
 - (vi) dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan nombor mudah alih mereka kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (199901007872 (482772-D)) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau alamat e-mel kepada DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)), yang merupakan para vendor yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel bagi Kempen ini;
 - (vii) untuk bertanggungjawab menyediakan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku perubahan;
 - (viii) untuk mengakses Laman Web Kempen pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut; dan
 - (ix) bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
11. Bank berhak:
 - (i) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen;
 - (ii) untuk menarik balik Pulangan Tunai sekiranya Pelanggan tidak mematuhi T&S yang terkandung di sini, terma dan syarat yang mentadbir Kad Debit dan Kad Kredit, Terma dan Syarat bagi menggunakan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun dan semua undang-undang/peraturan lain yang terpakai; dan
 - (iii) untuk membatalkan mana-mana Pelanggan atas ketidakpatuhan T&S yang terkandung di sini daripada menyertai Kempen ini dan/atau melayakkan diri untuk Pulangan Tunai.
12. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang mentadbir Kad Debit dan Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.

13. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S terakhir pada Laman Web Kempen akan digunakan.
14. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
15. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda ada sebarang pertanyaan tentang T&S ini, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.